

17/10/1998

Mengaibkan negara seperti meludah ke langit

SEJAK kebelakangan ini media kita menyiarkan berita mengenai kegiatan beberapa pemimpin muda di Indonesia, di Filipina dan di Bangkok yang mengkritik keras pemimpin negara terutama sekali presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Mereka membuat kenyataan dalam media mengenai kerajaan dan Umno yang dianggap memalukan dan mengaibkan negara. Seperti kata Dr Mahathir, tindakan mereka umpama 'meludah ke langit, jatuh atas muka sendiri'. Kata Perdana Menteri, rakyat yang mencintai negara tidak akan mengutuk negara sendiri di negara lain.

Keadaan seperti ini iaitu tokoh yang berselisih faham dengan kerajaan dan Umno membuat kenyataan dalam media asing di luar negara, sebenarnya pernah juga berlaku pada masa lalu. Hanya yang berbeza ialah mereka tidak membuat kempen seperti yang berlaku sekarang ini melainkan mengkritik kepemimpinan parti dan kerajaan dalam majlis forum atau ketika ditemu ramah oleh media.

Tetapi keadaan yang berlaku sekarang berlainan sama sekali. Saifuddin Nasution di Bangkok dan Dr Abdul Rahim Ghouse di Indonesia bersama Mohamad Ezam Mohd Nor pergi ke negara jiran itu khusus untuk menjalankan kempen memburukkan kerajaan dan parti mereka sendiri.

Kini perwakilan Malaysia di Indonesia, Filipina dan Thailand memulakan usaha demi membanteras kempen mereka dengan 'melobi' kalangan berpengaruh di negara berkenaan untuk menyampaikan maklumat sebenar mengenai keadaan politik dan ekonomi di Malaysia.

Ada tanda-tanda usaha itu berkesan seperti yang diterangkan oleh Duta Malaysia di Bangkok, Datuk Syed Ariff Fadzillah Syed Awaluddin.

Berdasarkan pengalaman yang lalu baik dalam masa perjuangan kemerdekaan dan selepasnya, kegiatan mendapatkan sokongan di negara asing untuk satu-satu landasan politik hanya akan berjaya jika kegiatan di luar negara itu selari dan sehaluan dengan perjuangan dalam negeri.

Pelajar Melayu dalam masa perjuangan menentang gagasan Malayan Union berkempen di London untuk melobi sokongan pemimpin Parti Buruh dan Parti Konservatif agar membatalkan gagasan Mac Michael. Kempen mereka berkesan kerana selari dan sehaluan dengan pergolakan rakyat di tanah air.

Saya masih ingat ketika bekerja di Utusan Melayu, akhbar itu menyiarkan laporan serta surat dari pelajar Melayu di London yang menentang gagasan Malayan Union. Dua nama yang kemudiannya terkenal di tanah air masih segar dalam ingatan saya iaitu Allahyarham Tun Ismail Ali dan Tun Sufian Hashim.

Keputusan kerajaan British membenarkan dua wakil dari Parti Buruh dan Parti Konservatif untuk meninjau keadaan di Malaysia dan mengkaji sejauh mana orang Melayu menentang gagasan Malayan Union ialah sebenarnya hasil perjuangan bangsa Melayu pada masa itu. Ini termasuk kempen pelajar Melayu di London yang meyakinkan lagi Kerajaan British supaya mengkaji semula gagasan Malayan Union.

Dalam masa kemerdekaan, terdapat beberapa kelompok yang menentang kerajaan di luar negara atas pelbagai alasan antaranya Kerajaan Malaya tidak demokratik, feudal dan sebagainya.

Saya mengikuti kegiatan kelompok ini di Jakarta. Satu ciri yang umum daripada kelompok ini ialah sementara ketua mereka terdiri daripada orang Malaya atau Malaysia, sebaliknya keanggotaannya kebanyakan orang Indonesia. Kelompok yang beraliran radikal kemudiannya ditunggangi kumpulan radikal Indonesia manakala kelompok yang tidak radikal ditunggangi golongan agama dan parti berhaluan kanan. Kesudahannya dalam

masa konfrontasi, kelompok yang radikal diperalatkan oleh Sukarno untuk mengganyang Malaysia manakala kelompok yang tidak radikal menerima tekanan untuk menyokong Sukarno.

Pada hemat saya kelompok seperti ini yang bergerak di luar negara untuk menentang kerajaan mereka sendiri amat terbatas bidang kegiatan mereka. Pertama sekali, mereka menumpang di negara orang lain dan tindak-tanduk mereka terpaksa mengikut undang-undang negara tuan rumah, melainkan jika mereka mendapat taraf sebagai pelarian politik. Itupun tidak menjadi jaminan mereka bebas untuk bertindak dan bergerak.

Sebabnya ialah kerajaan tuan rumah biasanya sensitif kepada perhubungannya dengan kerajaan dan negara yang menjadi sasaran kelompok berkenaan.

Satu contoh ialah peristiwa Arqam tidak lama dulu. `Ustaz' Asaari Mohamad pemimpin Arqam ketika berada pada kemuncak kegagahannya, mempunyai markas di Bangkok. Dia mengendalikan bisnes bernilai jutaan ringgit di negara jiran itu, menjelajah ke negara asing seolah-olah sebagai seorang negarawan hingga berasa dirinya setaraf dan selayak Dr Mahathir. Bahkan secara terbuka mendakwa akan menjadi bakal Perdana Menteri Malaysia.

Tetapi Asaari membuat kesilapan manakala ajaran serta amalan agamanya terbukti menyalahi Rukun Islam. Akhirnya Kerajaan Thai sendiri bertindak `menculiknya' dan dengan kerjasama polis Malaysia menghantar beliau pulang ke Malaysia.

Empayar beliau runtuh sama sekali selepas itu. Mengapakah Kerajaan Thailand sedia bekerjasama dengan Kerajaan Malaysia untuk bertindak ke atas Asaari? Pada hemat saya, Kerajaan Thailand membuat kesimpulan pengaruh ajaran Asaari juga boleh menyesatkan keimanan rakyat Islam di negara itu dan yang demikian boleh mencetuskan krisis dalaman antara kerajaan dan warganegaranya di wilayah Selatan Thailand. Apa lagi Kerajaan Thailand menghadapi masalah menegakkan keamanan di wilayah Selatan akibat pemberontakan gerombolan Islam di wilayah itu.

Dalam usaha menangani masalah keamanan di Selatan Thailand, kerajaan negara itu memerlukan kerjasama dan pengertian pihak berkuasa Malaysia. Oleh yang demikian kepentingan menjaga keamanan dalam negeri kepada Kerajaan Thailand lebih utama daripada kepentingan membenarkan Asaari berniaga di negara itu.

Antara negara Asean terdapat saling pengertian yang tidak rasmi, masing-masing tidak akan mencampuri urusan dalam negeri yang lain. Malaysia tidak akan memberi perlindungan kepada anasir antikerajaan Jakarta dari wilayah Timur-Timor. Pejuang Timur-Timor umumnya meminta suaka politik di Barat bukan di negara Asean.

Adalah menjadi kebiasaan mana-mana negarapun untuk seseorang asing memohon suaka politik maka ia terlebih dulu diwajibkan membuktikan dia akan teraniaya jika berada di negaranya sendiri. Negara Eropah Barat bahkan Amerika Syarikat sendiri tidak menerima dengan tangan terbuka setiap asing yang memohon perlindungan di negara mereka.

(END)